



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

14/12/84.  
Jil. 36  
Bil. 26

27hb Disember 1983

TAMBAHAN No. 2  
ENAKMEN

Enakmen-Enakmen ini, yang diluluskan di dalam Dewan Perhimpunan Undangan Negeri Perak, pada 27hb Disember 1983 diisyiharkan untuk pengetahuan am:

The following Enactments, passed by the Legislative Assembly on 27th December 1983 are published for general information:

Enakmen Bil.	Nama	Muka
4.	Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak (Pindaan), 1983  Laws of the Constitution of Perak (Amendment) Enactment, 1983.	9
5.	Enakmen Perbekalan (1984), 1983  Supply Enactment (1984), 1983	... ... 17

Bil. 4 TAHUN 1983

BETA PERKENANKAN,

(RAJA IDRIS ISKANDAR SHAH),  
*Sultan Perak*

(Mohor Kerajaan)

27hb Disember 1983

Suatu Enakmen untuk meminda Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak.

[ 29hb Disember 1983 ]

PK. P.U. 64/8

MAKA DENGAN INI ADALAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Perak seperti berikut:

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak (Pindaan), 1983 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahu dalam *Warta*, kecuali jika diperuntukkan se lainnya dalam Enakmen ini.

Tajuk  
ringkas  
dan mula  
berkuat-  
kuasa.

2. Perkara XXIX Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak (selepas ini disebut sebagai "Enakmen ibu") adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "empat puluh dua" dengan perkataan-perkataan "empat puluh enam".

Pindaan  
Perkara  
XXIX.

3. Perkara XXXI Enakmen ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (2) perenggan-perenggan (3) dan (4) yang berikut:

Pindaan  
Perkara  
XXXI.

"(3) Walau apa pun yang terkandung dalam peruntukan-peruntukan yang tersebut di atas dalam Perkara ini, di mana seseorang ahli Dewan Perhimpunan Undangan menjadi hilang-kelayakan dari terus menjadi ahli Dewan itu menurut perenggan-kecil (e) perenggan (1), atau di bawah suatu undang-undang seperti yang disebutkan dalam perenggan-kecil (f) perenggan (1)—

(a) hilang-kelayakan itu hendaklah berkuatkuasa apabila habisnya tempoh empat belas hari dari tarikh dia—

- (i) disabitkan dan dihukum sebagaimana dinyatakan dalam perenggan-kecil (e) yang tersebut di atas; atau
  - (ii) disabitkan atas suatu kesalahan atau dibuktikan bersalah atas suatu perbuatan di bawah suatu undang-undang seperti yang disebutkan dalam perenggan-kecil yang tersebut di atas; atau
  - (b) jika dalam tempoh empat belas hari yang dinyatakan dalam perenggan-kecil (a) suatu rayuan atau apa-apa prosiding mahkamah lain dibawa berkenaan dengan sabitan atau hukuman itu, atau berkenaan dengan kena disabitkan atau dibuktikan bersalah sedemikian itu, mengikut mana-mana yang berkénaan, maka hilang-kelayakan itu hendaklah berkuatkuasa apabila habisnya tempoh empat belas hari dari tarikh rayuan atau apa-apa prosiding mahkamah lain itu dilupuskan oleh mahkamah itu; atau
  - (c) jika dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan-kecil (a) atau tempoh selepas pelupusan rayuan atau lain-lain prosiding mahkamah yang dinyatakan dalam perenggan-kecil (b) itu ada difaikkan suatu petisyen mendapat ampun, maka hilang-kelayakan itu hendaklah berkuatkuasa sebaik sahaja petisyen itu dilupuskan.
- (4) Perenggan (3) tidaklah terpakai bagi maksud penerimaan atau pilihanraya mana-mana orang ke Dewan Perhimpunan Undangan, dan bagi maksud tersebut hilang-kelayakan itu hendaklah berkuatkuasa sebaik sahaja berlakunya kejadian yang tersebut dalam perenggan-kecil (e) atau (f), mengikut mana yang berkenaan, perenggan (1)”.

#### 4. Perkara XXXIII Enakmen ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menomborkannya semula sebagai perenggan-kecil (1) Perkara XXXIII; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (1) perenggan (2) yang berikut:
  - “(2) Jika seseorang ahli Dewan Perhimpunan Undangan menjadi hilang-kelayakan di

bawah perenggan-kecil (e) perenggan (1) Perkara XXXI, atau di bawah suatu undang-undang seperti yang disebutkan dalam perenggan-kecil (f) perenggan (1) Perkara XXXI, maka perenggan (1) yang tersebut di atas tidaklah terpakai dan dia hendaklah terhenti menjadi ahli Dewan Perhimpunan Undangan, dan kerusinya hendaklah menjadi kosong, sebaik sahaja hilang-kelayakannya berkuatkuasa mengikut perenggan (3) Perkara XXXI”.

**5. (1) Perkara XXXVIA** Enakmen ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “Dewan Perhimpunan Undangan itu” dalam perenggan (2) perkataan-perkataan “atau apabila hilang-kelayakan di bawah perenggan (5); dan
- (b) dengan menambah selepas sahaja perenggan (4) perenggan-perenggan (5) dan (6) baru yang berikut—

“(5) Seseorang ahli yang dipilih menjadi Speaker adalah hilang-kelayakan dari memegang jawatan itu jika tiga bulan selepas dipilih memegang jawatan itu atau pada bila-bila masa selepas itu dia menjadi ahli mana-mana lembaga pengarah atau lembaga pengurusan, atau seorang pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal-ehwal atau urusan, sesuatu pertubuhan atau badan, sama ada diperbadankan atau sebaliknya, atau sesuatu pengusahaan, perdagangan perindustrian atau lain-lain pengusahaan, sama ada dia menerima atau mendapat atau tidak apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya :

Dengan syarat bahawa hilang-kelayakan itu tidak boleh dipakai jika pertubuhan atau badan itu menjalankan apa-apa kerja ke-bajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagiannya atau apa-apa kerja atau tujuan lain berupa khairat atau sosial, dan ahli itu

Pindaan  
Perkara  
XXXVIA.

tidak menerima atau mendapat apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah.

(6) Jika timbul sesuatu soal mengenai hilang-kelayakan Speaker di bawah perenggan (5) Dewan Perhimpunan Undangan hendak-lah mengambil keputusan mengenainya dan keputusan itu adalah "muktamad".

(2) Seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 15hb Mei 1981.

Diluluskan pada 29hb September 1983.

[PSUK Pk. (Maj.) 50334; PU Pk. 47/67.]

(MOHD. IDRIS BIN BAHARI),  
*Setiausaha,*  
*Dewan Perhimpunan Undangan Negeri,*  
*Perak*

I ASSENT,

(RAJA IDRIS ISKANDAR SHAH),  
Sultan of Perak

(State Seal)

27th December 1983

An Enactment to amend the First Part of the Laws  
of the Constitution of Perak.

[29th December 1983]

R. SU. 64/1983

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of  
the State of Perak in accordance with the provisions  
of Article III of the First Part of the Laws of the Cons-  
titution of Perak as follows—

1. This Enactment may be cited as the Laws of the  
Constitution of Perak (Amendment) Enactment, 1983,  
and shall come into force on such date as the State  
Authority may, by notification in the *Gazette*, appoint,  
except where otherwise provided in this Enactment.

Short title  
and com-  
mencement.

R. SU. 64/1983

2. Article XXIX of the First Part of the Constitution  
of Perak (hereinafter referred to as the “principal  
Enactment”) is amended by substituting the words  
“forty-six” for the words “forty-two” thereof.

Amendment  
of Article  
XXIX.

3. Article XXXI of the principal Enactment is  
amended by inserting after paragraph (2) the following  
paragraphs (3) and (4):

Amendment  
of Article  
XXXI.

“(3) Notwithstanding anything contained in the fore-  
going provisions of this Article, where a member of  
the Legislative Assembly becomes disqualified from  
continuing to be a member thereof pursuant to sub-  
paragraph (e) of paragraph (1), or under a law as is  
referred to in sub-paragraph (f) of paragraph (1)—

(a) the disqualification shall take effect upon the  
expiry of fourteen days from the date on which  
he was—

(i) convicted and sentenced as specified in  
the aforesaid sub-paragraph (e); or

- (ii) convicted of an offence or proved guilty of an act under a law as is referred to in the aforesaid sub-paragraph (f); or
  - (b) if within the period of fourteen days specified in sub-paragraph (a) an appeal or any other court proceeding is brought in respect of such conviction or sentence, or in respect of being so convicted or proved guilty, as the case may be, the disqualification shall take effect upon the expiry of fourteen days from the date on which such appeal or other court proceeding is disposed of by the court; or
  - (c) if within the period specified in sub-paragraph (a) or the period after the disposal of the appeal or other court proceeding specified in sub-paragraph (b) there is filed a petition for a pardon, such disqualification shall take effect immediately upon the petition being disposed of.
- (4) Paragraph (3) shall not apply for the purpose of nomination or election of any person to the Legislative Assembly, for which purpose the disqualification shall take effect immediately upon the occurrence of the event referred to in sub-paragraph (e) or (f), as the case may be, of paragraph (1)".

Amendment  
of Article  
XXXIII.

**4. Article XXXIII of the principal Enactment is amended—**

- (a) by re-numbering it as paragraph (1) of Article XXXIII; and
- (b) by inserting after paragraph (1) the following paragraph (2):

“(2) Where a member of the Legislative Assembly becomes disqualified under sub-paragraph (e) of paragraph (1) of Article XXXI, or under a law as is referred to in sub-paragraph (f) of paragraph (1) of Article XXXI, the foregoing paragraph (1) shall not apply, and he shall cease to be a member of the Legislative Assembly, and his seat shall become vacant, immediately upon his disqualification taking effect in accordance with paragraph (3) of Article XXXI".

5. (1) Article XXXVIA of the principal Enactment is amended—

Amendment  
of Article  
XXXVIA.

(a) by inserting immediately after the word “Assembly” in paragraph (2) the words “or upon being disqualified under paragraph (5)”; and

(b) by adding immediately after paragraph (4) the following new paragraphs (5) and (6):

“(5) A member who is elected to be the Speaker shall be disqualified from holding such office if after three months of his election to such office or at any time thereafter he is or becomes a member of any board of directors or board of management, or an officer or employee, or engages in the affairs or business, of any organisation or body, whether corporate or otherwise, or of any commercial, industrial or other undertaking, whether or not he receives any remuneration, reward, profit or benefit from it:

Provided that such disqualification shall not apply where such organisation or body carries out any welfare or voluntary work or objective beneficial to the community or any part thereof, or any other work or objective of a charitable or social nature, and the member does not receive any remuneration, reward, profit or benefit from it.

(6) Where any question arises regarding the disqualification of the Speaker under paragraph (5) the decision of the Legislative Assembly shall be taken and shall be final”.

(2) This section shall be deemed to have come into force on the 15th May 1981.

Passed this 29 day of September 1983.  
[PSUK Pk. (Maj.) 50334; PU Pk. 47/67.]

(MOHD. IDRIS BIN BAHARI),  
*Clerk of the Assembly, Perak*

DICETAK OLEH PENGARAH CAWANGAN PERCETAKAN DAN DITERBITKAN DENGAN PERINTAH PADA  
IPOH  
27HB DISEMBER 1983

Harga: 50 sen